

20



**MULTAQA ULAMA SEDUNIA**

**ملتقى العلماء العالمى**

**WORLD CONFERENCE OF ISLAMIC SCHOLARS**

Putrajaya, 10-12 Julai, 2003

**KERTAS KERJA XX**

**Hubungan Pemerintah Dengan Ulama  
Ke Arah Perkembangan Peradaban Dan  
Merealisasikan Kemenangan**

Oleh:

Dr. Abdul Halim 'Uwais


Putrajaya, Malaysia

12 Julai, 2003

# **Hubungan Pemerintah dengan Ulama Ke Arah Perkembangan Peradaban dan Merealisasikan Kemenangan**

Oleh:

Dr. Abdul Halim 'Uwais



Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang

## **Kerjasama Pemerintahan dan Ulama Asas Ketamadun Kita**

Tidak keterlaluan untuk saya katakan bahawa, "Ramai di kalangan khalifah kerajaan Umaiyyah dan Abbasiyah telah dizalimi. Namun hakikatnya ramai daripada mereka sebenarnya telah memberi kerjasama yang baik kepada para ilmuwan dan pendakwah."

Pada pendapat saya, kita perlu merenung kembali dengan teliti kepada zaman ini yang subur dengan kebaikan. Ini kerana ia berpunca dari wujudnya kerjasama antara tokoh negarawan dengan tokoh ilmuwan.

Lantaran itu, dengan penuh rasa keinsafan saya mengambil contoh beberapa orang khalifah terkenal dari dinasti al-Abbas, seperti Muhammad al-Mahdi dan Harun al-Rasyid untuk mempamerkan jasa-jasa kebaikan mereka yang tidak dinafikan.

Bahkan saya juga sengaja merentasi era kegemilangan itu, dengan tidak hanya memberi tumpuan kepada tokoh-tokoh terkenal sahaja, sebaliknya merangkumi beberapa bukti lain yang tidak ditonjolkan sebagaimana menurut pandangan pihak yang anti-Islam.

Ketika memperkatakan tentang kerajaan Bani Umaiyyah, saya tidak akan memberi tumpuan sepenuhnya kepada perbincangan mengenai Umar bin Abdul Aziz dan Muhammad al-Mu'tasim (833M-842M), iaitu tokoh penyelamat kota Ammuriyah. Saya juga tidak akan menyentuh tentang Harun al-Wathiq atau Jaafar al-Mutawakkil yang telah menghapuskan kezaliman puak "muktazilah" ke atas pengikut ahli sunnah.

Saya akan terus pergi kepada zaman separuh akhir kurun kelima Hijrah (11 M), yang tempoh pemerintahannya mengambil masa selama 60 tahun. Tempoh ini dikira era malap bagi pemerintahan kerajaan Abbasiyah.

Dalam tempoh ini, kota Baghdad diterajui oleh khalifah al-Muqtadi Bi Amrillah, iaitu

selama dua dekad (467H-487H). Baginda adalah salah seorang daripada dua khalifah yang mengambil alih tampuk pemerintahan untuk separuh akhir kurun ke-5H.

Hampir seluruh sejarawan bersepakat bahawa al-Muqtadi adalah seorang khalifah yang mempunyai akhlak mulia. Baginda seorang yang cintakan agama dan kebaikan dan mempunyai jiwa yang kental, berhemah dan berani selain seorang pemimpin yang berkarisma. Kehidupannya dipenuhi dengan kebaikan dan keberkatan, serta berhati mulia dan berbudi.<sup>1</sup> Ibn Kathir menggambarkan: "beliau memiliki pekerti luhur, keprihatinannya menjaga kesucian kaum wanita tiada tolok bandingnya. Baginda sentiasa menyeru ke arah kebaikan dan melarang kemungkaran. Baginda terkenal dengan sifat adil, baik, takwa, peramah dan berilmu."<sup>2</sup>

Al-Muqtadi amat mengambil berat tentang norma-norma murni akhlak dan keagamaan terutamanya dalam pelan pembangunan sosialnya. Lantaran itu, baginda berusaha keras membersihkan kota Baghdad dari kutu maksiat, meruntuh premis arak dan sarang pelacuran.<sup>3</sup> Malah setiap kali perkara tersebut muncul, baginda tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan membanterasnya.<sup>4</sup>

Sementara itu, pertumbuhan institusi pengajian agama juga diberi perhatian. Pertumbuhan ini memperlihatkan perkembangan kajian ilmu fiqh, hadis, tafsir, kesusasteraan dan bahasa Arab yang menjadi silibus kepada pelajarannya. Perkembangan positif yang berlaku di kota Baghdad ketika pemerintahan kerajaan Saljuk ini adalah suatu peristiwa penting ke arah perkembangan dan penyebaran ilmu. Hal ini berbeza daripada pengajian ilmu sebelumnya yang hanya tertumpu di ruang legar masjid dan pondok sahaja.

Pusat-pusat pengajian ini ditubuhkan untuk dijadikan pusat latihan pengembangan aliran mazhab fiqh dan pusat latihan pegawai-pegawai kerajaan dengan pelbagai kemahiran yang berkaitan.<sup>5</sup>

Pada zaman al-Muqtadi, tokoh ilmuwan diberi tempat istimewa dalam masyarakat. Mereka turut memberi sumbangan kepada sebarang usaha pembangunan kota Baghdad yang ketika itu berkembang pesat dengan aliran mazhab fiqh dari beberapa mazhab seperti mazhab Hambali, mazhab Syafii dan mazhab Hanafi.<sup>6</sup>

Sementara itu, khalifah al-Mustazhir Abu Abbas Ahmad al-Muqtadi telah memerintah antara 470H-512H. Baginda disifatkan sebagai seorang yang peramah, berakhlak mulia, berjiwa rakyat dan suka membuat kebaikan serta menabur kebajikan.<sup>7</sup> Baginda juga seorang hafiz, sukakan ilmu pengetahuan, bencikan kezaliman, berbudi, tidak berdendam, percaya kepada penyokong dan tidak suka diadu domba.<sup>8</sup>

Sejarah hidup baginda dipenuhi dengan sifat keadilan dan keinsafan, menyekat segala niat jahat dan kezaliman, bertoleransi dan pemurah, peramah dan elok rupa serta tingkah laku. Baginda juga menyayangi para ulama dan orang soleh, seorang yang berkarisma dan mudah

diajak berunding. Era pemerintahannya dipenuhi dengan kebahagiaan dan kesukaan bagi rakyat jelata. Baginda juga sentiasa bernasib baik dan mempunyai ramalan yang tepat.<sup>9</sup>

Selain itu, hubungan beliau dengan pengikut aliran mazhab fikah Islam ketika ini juga penuh dengan kedamaian, berkasih sayang dan saling menghormati. Ini ekoran kebijaksanaan siasah yang diamalkan oleh khalifah dalam melayani kehendak rakyat. Warga bukan Islam yang berlandung di bawah kerajaan ini di Baghdad juga, mengira bahawa era pemerintahan al-Mustazhir adalah tempoh yang paling gemilang buat mereka. Ini kerana baginda sentiasa menitik beratkan soal kebajikan rakyat melalui hubungan dengan wakil-wakil mereka.

### **Contoh Kerjasama dalam Era Pemerintahan Al-Ayyubi**

Kewafatan Imaduddin Zinki pada 541H, menyebabkan orang Islam kehilangan seorang tokoh unggul yang sedia berjuang menentang tentera Salib secara habis-habisan dan berusaha menyatukan kekuatan Islam. Tidak lama kemudian mereka telah menemui pengganti beliau, iaitu puteranya Nuruddin Mahmud yang ketika kewafatan ayahandanya berusia 30 tahun. Beliau telah meneruskan perjuangan ayahandanya dengan mengibarkan panji Islam berdasarkan kemampuan yang dimilikinya.

Dia mendapat kejayaan besar dalam peperangan Salib kedua dan berjaya menghapuskan pengkianat bangsa Armenia yang menjadi tali barut musuh. Perjuangannya mendapat sokongan pemerintah Mesir, al-Tuntash. Akhirnya, Nuruddin meletakkan kota Damsyik di bawah tampuk pemerintahan 'Islamiyah' sementara Mesir di bawah tampuk pemerintahannya sendiri.

Setelah kewafatan Nuruddin jejaknya diikuti pula oleh anakandanya iaitu Salahuddin yang berjaya menyatukan daerah timur negara Islam dan menguasai semula kota Damsyik. Akhir sekali Sultan Salahuddin berjaya menyatukan semula bandar Halab, al-Jazeera dan Mosul. Kejayaannya bererti Salahuddin berhasil menyatukan semua negara Islam ketika itu di bawah satu sistem pentadbiran persekutuan, yang mana ia memberi peluang cerah kepadanya untuk mengisytiharkan perang jihad ke atas tentera Salib. Kini, beliau cukup bersedia dengan pelbagai kelengkapan terutama dari segi kelengkapan senjata, tenaga manusia dan bekalan makanan untuk menyerang pasukan musuh.

Pada 583H, Salahuddin bersama-sama bala tenteranya yang besar telah bergerak dari kota Damsyik sehingga akhirnya berjaya menawan semula kota Palestin pada bulan Rejab dalam tahun yang sama. Kejayaan ini adalah episod terakhir kepada perjuangan penyatuan yang telah dimulakan oleh Imaduddin Zinki.

Ada juga pendapat mengatakan, terdapat sebilangan para ulama dan pendakwah telah turun ke padang bersama tiga pahlawan Islam tersebut (Imaduddin, Nuruddin dan Salahuddin). Antara mereka yang paling menonjol ialah tokoh sejarahwan iaitu Bahauddin Abu Mahasin

Yusuf bin Syaddad (539H-631H), ilmuwan fikah Dhiauddin Isa bin Muhammad al-Hikari (585H) dan sejarawan terkenal Abdullah Muhammad al-Asfahani yang terkenal dengan 'Teras Penulis' (519H- 597H/1125M -1200M). Menurut ahli sejarah, pena al-Asfahani lebih ampuh daripada pedang para mujahidin kerana tulisannya berjaya membakar semangat juang dan menyatukan kekuatan tentera Islam. Sebagai bukti, beliau sendiri menyatakan: "aku menjunjung perintah sultan untuk menjawab perutusan raja-raja dalam keadaan senang atau perang, jika tidak kerana penaku tentera Islam tidak akan bersatu". Para pengkaji sejarah Barat mengakui sifat kemuliaan Asfahani dan menyebutnya sebagai seorang tokoh yang beragama dan beretika tinggi.<sup>10</sup>

Sementara itu, Abu Ali Mahyuddin Abdul Rahim bin Ali al-Bisani al-Asqalani (526H-596H/1135M-1199M), yang lebih dikenali sebagai 'Hakim Kehormat', juga adalah seorang yang sangat terkenal kerana kesediaannya untuk bersama-sama sultan Salahuddin dalam semua hal bagi memastikan kemenangan besar itu. Beliau mendapat kepercayaan Sultan dan merupakan penasihat peribadi baginda. Ada riwayat yang menyebut ketika sultan Salahuddin dikepung oleh musuh di bandar 'Akka, Baginda telah mengutus surat kepada al-Asqalani mengadu tentang kekecewaan raja-raja dalam pasukannya kerana terlalu lama berada dalam kepungan. Beliau telah menjawab surat itu dengan menasihati baginda agar sentiasa berlapang dada dengan sebarang rungutan dan sungutan. Pada pendapatnya sultan Salahuddin perlu mempunyai seorang penasihat yang baik, yang sentiasa di sampingnya untuk menghadapi situasi begini, lalu beliau telah membuat keputusan untuk segera meninggalkan bandar Kaherah menuju ke bandar 'Akka dan tiba di sana pada Januari 1191M.

Asqalani bukan sahaja terlibat dalam perbincangan soal-soal kenegaraan, malah turut menyentuh soal peribadi sultan Salahuddin sendiri. Contohnya, ketika sultan bercita-cita untuk menunaikan fardu haji dan umrah selepas tamat perjanjian damai di bandar Ramalah (588H/1192M), beliau menyarankan agar baginda menangguhkan niatnya itu ke waktu lain kerana sebab-sebab tertentu, antaranya alasan fatwa, "bahawa memberi tumpuan kepada hak-hak kepentingan makhluk adalah lebih penting daripada urusan ibadat menghampiri Allah."<sup>11</sup>

Sebenarnya masih terdapat banyak lagi bukti-bukti yang boleh dijadikan contoh kepada wujudnya kerjasama yang rapat antara para cendekiawan dan para pendakwah dengan golongan pemerintah. Kerjasama ini telah membuahkan kemenangan yang besar kepada semua pihak yang terlibat.

## **Perpaduan antara Pemimpin dengan Pendakwah dalam Kerajaan Mamalek dan Kerajaan Uthmaniyah**

Ramai pengkaji sejarah yang muktabar, menegaskan bahawa perundangan Islam adalah teras

pentadbiran kerajaan Mamalek. Para tokoh ilmu fikah telah memainkan peranan penting dalam mendaulatkan pelaksanaan sistem perundangan Islam.

Dalam hal ini, Hanafi Mahmud Khattab telah menerangkan, bahawa tokoh agama diberi kuasa dan pengaruh yang istimewa dalam pemerintahan kerajaan Mamalek, katanya:

“sesungguhnya agama Islam adalah sumber rujukan kepada kanun perundangan negara. Manakala para sultan kerajaan Mamalek tidak mengetahui selok-belok hukum syarak dan cara pelaksanaan yang berkesan, mereka hanya mengerti soal-soal peperangan, kerana mereka dibesarkan dalam kubu-kubu tentera. Maka secara tidak langsung mereka telah menyerahkan kuasa penentuan hukum perundangan negara kepada tokoh-tokoh agama yang lebih arif.”<sup>12</sup>

Pada era pemerintahan ini juga telah muncul ramai tokoh ulama antaranya, Sheikhu Islam ‘Izzuddin bin Abdul Salam (660H) dan Taqiuddin Abdul Wahab bin Nabtil `A`azz (654H). Beliau adalah seorang tokoh hakim mazhab Syafie yang banyak menimbulkan kontroversi. Yang paling masyhur hingga ke hari ini ialah Sheikhu Islam Ibn Taimiyah (728H).

Kedudukan ulama di kalangan rakyat dan pemerintah amat ketara sekali. Ini kerana Majlis pertabalan seorang khalifah atau sultan tidak akan sempurna tanpa kehadiran mereka.

Ulama pada era pemerintahan ini mengambil sikap telus dan berani ketika berhadapan dengan arahan pihak pemerintah yang terburu-buru dan mengikut hawa nafsu. Sebagaimana yang berlaku, ketika sultan Barquq mengadu bahawa tabung kewangan negara telah bankrap, sedangkan ketika itu musuh Tartar semakin menghampiri sempadan negara, baginda menitahkan agar pembiayaan ketenteraan diambil dari harta wakaf yang telah diperuntukkan untuk bantuan masjid dan pendidikan. Para ulama negara tidak bersetuju malah telah mengeluarkan kata-kata kasar berhubung perkara itu. Namun setelah lama berlaku perbalahan akhirnya mereka bersetuju untuk menggunakan harta wakaf tersebut dan hasil cukai tanah hanya untuk tempoh satu tahun sahaja. Senario ini, dianggap telah memberi separuh kemenangan kepada protes pihak ulama. Ulama juga telah diberi peranan utama untuk menyelesaikan banyak krisis dan isu-isu besar dalam negara.<sup>13</sup>

Para ulama pada zaman pemerintahan sultan Barquq (784H-791H) mendapat tempat yang istimewa di sisi sultan. Baginda menyayangi dan menyanjung tinggi kedudukan mereka. Baginda akan berdiri apabila mereka masuk menghadapnya dan pernah pada suatu ketika baginda tersilap menjatuhkan hukuman ke atas Sheikh Syihabuddin iaitu seorang alim dari mazhab Syafie. Jadi, untuk memohon maaf baginda menghantarnya pulang ke kampung halaman dengan penuh kemuliaan.<sup>14</sup>

Ulama semakin mendapat tempat pada zaman pemerintahan Sultan al-Mu`ayyad Sheikh

(815H-824H), ini kerana baginda adalah seorang yang kuat beragama dan patuh pada ajaran Islam. Buktinya, dengan berpakaian biasa iaitu jubah putih yang diperbuat daripada kapas dan berserban kecil atas kepala, baginda sultan turun ke padang untuk menyelesaikan beberapa krisis dan isu negara, baginda diiringi oleh pembesar dan ulama, kemudian bersembahyang tanpa alas sejadah. Pada waktu itu, dengan wajah yang penuh berlumuran debu, baginda menangis sambil memohon pertolongan Ilahi.<sup>15</sup>

Baginda mendengar segala cadangan dan pandangan para ulama yang bermesyuarat bersamanya mengenai berbagai-bagai perkara. Ketika baginda sultan Sheikh bermesyuarat dengan para ulama negara (821H/1418M), mengenai isu Yusuf seorang penderhaka, mereka bersetuju mengeluarkan fatwa untuk menghalalkan tindakan bunuh ke atasnya. Dengan itu, sultan Sheikh segera mengerahkan sepasukan tentera untuk menjalankan tugasnya.<sup>16</sup> Pernah satu ketika kadi Jalaluddin al-Balqini yang enggan mematuhi arahan baginda agar menyebut nama sultan dalam bacaan khutbah. Beliau memberi pendapat, hanya nama Allah dan rasul-Nya perlu dihormati dan tidak disebut bersama dengan nama sultan. Baginda dengan senang hati menerima hujah tersebut kerana tunduk dan merendahkan diri kepada Allah dan rasul-Nya, sedangkan banyak masjid lain seperti masjid al-Azhar dan masjid Ibn Toulun tidak berbuat demikian.<sup>17</sup> Peristiwa seperti ini memperlihatkan betapa kuatnya pengaruh pandangan ulama, walaupun terhadap perkara yang menyentuh batang tubuh dan pendirian sultan.

Manakala sultan al-Asyraf Barsabai (825H-841H), juga seorang yang patuh kepada syarak. Baginda menyayangi para ulama dan sentiasa mendampingi mereka sama seperti baginda mendampingi kadi Abdullah Abdul Basiq. Baginda persis seorang anak yang mengekori bapanya. Ini kerana baginda sentiasa mendengar nasihat kadi itu. Sebagai bukti, pernah satu ketika rakyat berasa punca rezeki mereka terancam disebabkan arahan sultan agar penanaman tebu tidak dibenarkan kecuali oleh sultan sahaja. Lalu kadi tersebut membangkitkan perkara tersebut dan dengan usaha kadi ini, sultan terus menarik balik arahnya.<sup>18</sup>

Ulama boleh menasihati sultan apabila baginda tersilap membuat keputusan. Pernah berlaku penyakit taun merebak dengan teruk di negara Mesir. Peristiwa ini kemudiannya dikenali dengan *al-fasl al-kabir* atau peristiwa hitam, kerana ia merebak ke seluruh dunia. Setelah berbincang dengan empat orang kadi dan para ulama, baginda mengambil keputusan: "beta dan hamba rakyat akan keluar ke padang pasir dan membuat saluran di sana." Tindakan ini dibantah oleh salah seorang ulama kerana katanya, tindakan sultan itu menyalahi pendapat ahli salaf. Malapetaka ini sebenarnya adalah akibat kesalahan sosial dalam masyarakat, maka Allah telah menurunkan bala ke atas mereka.<sup>19</sup>

Para ulama telah menasihati sultan, bahawa pemerintah perlu menyekat perbuatan dosa yang berleluasa dalam masyarakat, meroboh premis arak dan menghalang kaum perempuan

keluar dalam keadaan berhias ke pasar-pasar. Sultan juga menyeru rakyat agar banyak berdoa dan beristighfar. Selepas mesyuarat bersurai, baginda sultan telah mengarahkan agar semua cadangan tadi diterima pakai.

Senario ini sentiasa berulang dalam menyelesaikan banyak perkara berhubung dengan kepentingan negara dan rakyat jelata, seperti urusan pungutan zakat dan sebagainya. Banyak jalan penyelesaian terbaik yang baginda telah perolehi.

Sultan al-Zahir Jaqmaq (842H-857H), pula suka membuat kebaikan dan kebajikan. Baginda juga seorang yang kuat berpegang kepada ajaran agama. Baginda turut digemari oleh sekalian orang soleh, kerana baginda pandai mengambil hati dengan melakukan berbagai-bagai usaha murni. Pernah terjadi perbalahan sengit antara ulama Saad bin al-Dasiri dengan ulama Ibn Hajar, di mana akibat perbalahan itu Ibn Hajar telah dipecat dari jawatannya sebagai ketua kadi/hakim. Ekoran kejadian itu sultan cuba memujuknya dengan mengembalikan semula jawatan itu kepadanya.

Baginda juga mengambil berat dalam soal pendidikan dan tokoh-tokoh agama. Baginda turut sudi menghadiri majlis-majlis ilmu, seperti keberangkatan baginda ke majlis upacara menyambut kejayaan Ibn Hajar menamatkan penulisan kitab "*Fath Al-Bari fi Syarh al-Bukhari*".<sup>20</sup>

Kebanyakan para sultan tunduk kepada permintaan dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh para kadi.<sup>21</sup> Sebagai contohnya, pada zaman pemerintahan sultan Qansouh al-Ghori (922H), para kadi telah membantah isu penggunaan harta wakaf untuk kepentingan pihak pemerintah dan para pembesar negeri.

Pada era pemerintahan ini, para ulama dan kadi Mesir pernah menerima satu ujian getir daripada pihak sultan. Mereka semua telah dipecat kerana memprotes pandangan baginda mengenai satu isu perundangan. Ekoran peristiwa pahit itu, selama 15 hari tidak berlangsung upacara akad nikah dan banyak kes mahkamah yang tertunggak.<sup>22</sup>

Peristiwa ini menunjukkan betapa beraninya tokoh agama dan ketegasan mereka dalam menghadapi tindakan kezaliman, walaupun mereka dipecat dan dilucutkan dari jawatan masing-masing.

Tindakan itu tidak melunturkan semangat mereka, malah pendirian mereka telah mendapat sanjungan orang ramai serta beberapa pembesar. Akhirnya, setelah kemangkatan sultan al-Ghori yang mati dibunuh pada 922H/1516M para ulama kembali aktif memainkan peranan dalam kronologi penabalan sultan Toman Bai. Pada mulanya baginda keberatan untuk menerima jawatan tersebut meskipun mendapat sokongan ramai raja-raja lain. Namun, baginda menerima juga jawatan khalifah itu apabila Sheikh Abu al-Saud al-Jarihi bersumpah kepada baginda dengan mengangkat Mushaf al-Quran, manakala majlis raja-raja pula bersumpah untuk tidak

mengkhianati kepercayaan baginda dan tidak menuntut gaji serta berjanji untuk tidak lagi menzalimi hamba rakyat.<sup>23</sup>

Kerjasama antara baginda dengan para ulama berterusaan, tetapi hanya dalam tempoh satu tahun sahaja. Pada tahun berikutnya 923H/1517M, Dinasti Uthmaniyah telah menakluki negara Mesir.

Namun begitu, kewujudan ulama dan peranan mereka dalam semua keadaan dan situasi secara sah, tidak pernah berhenti. Mereka telah melaksanakan kewajipan mereka untuk mewarnai wajah masyarakat dengan warna-warni Islam.

Dinasti Uthmaniyah, pada asalnya adalah gabungan daripada suku-suku bangsa Turki yang melarikan diri dari kekejaman Tartar di Asia Tengah. Moyang mereka (Uthman bin Toghral) telah memeluk Islam dan berkampung di negara Anadhul. Di sini mereka telah berjaya membentuk kerajaan sendiri dan menjadikan bandar Qurarah Hisor sebagai pusat pemerintahan. Semasa serangan tentera Mongolia ke atas negara Saljuk, kerajaan ini telah menjadi negara yang merdeka dan menjadi tempat perlindungan strategik kepada orang Islam daripada keganasan Tartar. Oleh sebab Uthman bin Toghral ini adalah orang pertama memeluk Islam, maka kerajaan ini dinamai dengan nama beliau, sebagai bukti perkaitannya dengan agama Islam dan bukannya perkaitan asobiah perkauman. Beliau meninggal dunia pada 727H. Sultan-sultan selepas beliau bertanggung jawab mengalahkan tentera Byzantin dan terus mara menawan penempatan luas di Eropah. Akhirnya, sultan Muhammad Thani berjaya menakluki kota Konstanstinopel pada 857H dan telah memberikan nama barunya sebagai Islambul atau lebih dikenali sebagai Istanbul.<sup>24</sup>

Kemenangan besar yang dicapai oleh panglima sultan Muhammad Thani ini telah menjadi simbol kemegahan dan keagungan kepada kekuasaan dinasti Uthmaniyah.

Baginda mula mengecapi kemenangan besar ini di Tebing Baspur ketika berusia 22 tahun (858H/1453M). Namun baginda tidak mudah terpedaya dengan kejayaan yang dicapainya, sebaliknya baginda sujud bersembahyang di masjid 'Ayasofia' sebagai tanda syukur ke hadrat Ilahi. Setelah mengisytiharkan nama baru bagi kota ini iaitu Islambul atau Istanbul, baginda terus ke makam sahabat (Abu Ayub al-Ansari) yang syahid dalam kepungan tentera Konstanstinopel ketika zaman kerajaan Muawiyah bin Abu Sufian (52H). Baginda membina sebuah masjid berhampiran makam tersebut sebagai tanda bahawa kemenangan ini adalah kesinambungan daripada amal jihad demi menegakkan agama Islam.

Pada andaian Sultan Muhammad Thani, kemenangan ini pasti akan dicemburui oleh Eropah dan pejuang salibiyah, lalu baginda meneruskan perjuangannya di jalan Allah dengan mengharap ganjaran dan keredhaan-Nya, sehingga berjaya menggegarkan hati musuh-musuh Islam dan meninggalkan dunia ini dengan penuh keagungan untuk Islam dan penganutnya.

## **Pakatan antara Raja Al-Mamalek dengan Para Ulama Menentang Tartar**

Sebaik sahaja segerombolan tentera Salib hampir menguasai bahagian timur negara Islam, dunia Islam ditimpa lagi dengan malapetaka baru yang lebih dahsyat iaitu serangan ganas tentera Tartar yang datang dari Mongolia sebelah Tenggara Asia.

Pada 616H tentera Mongolia berjaya menawan bandar Bukhara, dan pada tahun berikutnya mereka menakluki Samarkand dan seluruh negeri 'Ma Wara' al-Nahr' yang merupakan sebahagian daripada kerajaan Khawarizm. Bukan setakat itu sahaja, malah tentera Mongolia juga terus mara ke negara Khurasan dan berjaya menawan seluruh negeri Balkh, Morw dan Naisabur.<sup>25</sup>

Dunia Islam ketika itu, iaitu selepas pelan penyatuan Salahuddin al-Ayyubi, telah berpecah dan kembali kepada keadaan asal. Begitu juga dengan kerajaan al-Ayyubi sendiri sehingga terjadi peristiwa pahit seperti pergaduhan dan persaingan sesama sendiri dan sesama kerajaan. Keadaan ini menghilangkan semangat perpaduan Islam dan digantikan dengan sentimen perkauman dan perseteruan.

Selepas menawan negeri 'Ma Wara' al-Nahr', Khurasan, Azarbaijan, Tobrastan, Rai dan Hamazan, Mongolia telah berjaya menakluki pula kerajaan Saljuk di Asia Tengah dan Armenia. Tidak lama selepas itu mereka terus memasuki Kota Baghdad iaitu ibu negara kerajaan Abbasiyah. Mereka berjaya menakluki Baghdad dengan mudah tanpa tentangan sengit, dan menamatkan pemerintahan kerajaan Abbasiyah di Iraq pada 656H dengan pertumpahan darah yang mengerikan, yang tidak pernah tercatat dalam sejarah sebelumnya. Dari Baghdad mereka terus mara ke negeri Syam yang terletak di bawah pemerintahan Raja al-Nasir kerajaan al-Ayyubi. Akhirnya mereka berjaya menawan bandar Halab, Hamah dan Damsyik dengan mudah.

Seperti kebiasaannya, tentera Tartar dari Syam harus terus mara ke Mesir untuk memberi rasa keperitan serangannya seperti yang dilakukannya terhadap negara Islam lain. Raja Mesir ketika itu, al-Muzaffar Saifuddin Qutz telah menjangkakan serangan ini dan jangkannya tepat sekali iaitu setelah datangnya utusan surat dari Hulago. Petikan surat itu seperti berikut:

"Dari Duli al-Khaqan, Raja segala raja timur dan barat, dengan nama Tuhan Penghampar bumi dan Penjulung langit, kami memaklumkan kepada Raja al-Muzaffar Qutz dari keturunan Mamalek yang melarikan diri dari pedang kami ke daerah ini, sambil menikmati kekayaannya dan membunuh rakyatnya, kami memaklumkan kepada Raja al-Muzaffar Qutz dan semua pemerintah kerajaannya di bumi Mesir dan jajahan taktuknya bahawa kami adalah tentera Tuhan. Kami dicipta dari kemurkaan-Nya dan kami menakluki orang yang mendapat kemurkaan-Nya. Maka kamu sekalian di bawah pemerhatian dan keinginan kami. Justeru,

ingatlah apa yang terjadi pada yang lain, serahkan urusan kamu kepada kami sebelum berlaku apa yang tidak diinginkan dan akan memberi penyesalan yang tidak sudah. Kami tidak belas kasihan kepada tangisan dan tidak memperdulikan rayuan. Kamu telah tahu bahawa kami telah menawan banyak negara, membersihkan segala onar di buminya dan membunuh ramai manusia".<sup>26</sup>

Berdasarkan perutusan ini, ia mendedahkan betapa kemusnahan telah menimpa seluruh dunia Islam dan menghancurkan ketamadunan suci. Mereka berasa bangga dengan kemusnahan itu, malah ia adalah misi perang mereka. Mereka dicipta dari kemurkaan Allah untuk mengajar petualang-petualang di dunia ini yang rela bermusuhan sesama sendiri.

Kemusnahan itu hampir menimpa mereka, tetapi Allah menyatukan hati pemimpin kerajaan Mamalek dan rakyat Mesir untuk melancarkan perang jihad. Al-'Izz bin Abdul Salam seorang tokoh ulama yang disegani ketika itu telah menyeru agar semua rakyat rela mati mempertahankan agama Allah dan menyeru para pemimpin supaya menggugurkan hak-hak keistimewaan mereka di samping mengajak rakyat untuk maju ke medan jihad dengan nyawa dan harta benda.

Ketika para pemimpin Mamalek memohon kepadanya untuk menyeru semua lapisan rakyat agar sedia berkorban dan berjuang di jalan Allah, Sheikh al-'Izz telah menolak dengan berkata: "Dalam perkara ini pemimpinlah yang sepatutnya menjadi contoh pertama untuk diikuti oleh rakyat jelata". Namun raja-raja tersebut cuba melengah-lengahkan dengan titah mereka: "Kami tidak mempunyai harta, mintalah kepada rakyat untuk menderma". Lalu Sheikh berkata: "Tidak, sehingga tuanku sekalian mengeluarkan dahulu apa yang tuanku ada di dalam istana dari emas dan perak serta perhiasan-perhiasan perempuan istana, tuanku sekalian hendaklah benar-benar ikhlas berkorban semata-mata kerana Allah semoga dengan itu tuanku mendapat kemenangan".

Senario ini telah menggerakkan hati sanubari mereka, bara keimanan mula menyala sehingga raja-raja tersebut telah mengeluarkan apa sahaja yang mereka ada. Apabila orang ramai melihat situasi ini, mereka pun mula berlumba-lumba membuat sumbangan sehingga banyak harta terkumpul. Dengan itu, mereka dapat melengkapkan persediaan perang dan membuat senjata. Manakala kem-kem latihan perang didirikan di setiap pelosok negara. Seluruh negara bergema dengan laungan takbir dan jihad dan setiap warga lagaknya seperti panglima, semuanya berminat dan tidak sabar-sabar untuk tiba di medan pertempuran.<sup>27</sup>

Kemenangan dalam pertempuran di 'Ain Jalut (658H) adalah implikasi kepada usaha pakatan antara ulama dengan pemimpin, juga berkat dari slogan "waa Islamaah" atau 'oh Islamku' yang disuarakan oleh Sultan Saifuddin Qutz – semoga Allah merestui usaha semua pihak.

### **Antara Contoh Pakatan antara Ahli Politik dengan Ulama di Maghribi dan Afrika**

Kejayaan perikatan Sahnajiun di negara Maghribi (430H-540H) mendirikan empayar Perikatan adalah satu pengalaman indah hasil daripada pakatan antara institusi pemerintah dengan dakwah. Ia merupakan kerajaan Islam terbesar di benua Afrika ketika itu.<sup>28</sup>

Kerajaan ini didirikan atas dasar kesempurnaan pakatan antara kerajaan dengan rakyat yang berlandaskan ajaran al-Quran dan al-Sunnah. Motif jihad dilancarkan ke arah pembinaan masyarakat Islam dan penyebaran Islam di bumi Afrika. Mereka memberi perhatian kepada mendidik rakyat jelata dengan asas dan nilai suci Islam di samping berusaha keras membasmi kepercayaan dongeng agama berhala, anasir murtad dan nabi palsu yang bertelusage di kalangan suku Ghamarah dan Barghuatoh. Bapa kemerdekaan bagi kerajaan ini ialah Abdullah bin Yasin yang turut digelar sebagai 'Penghidup sunnah dan Penghapus bid'ah dan kesesatan'.

Beliau melakukan beberapa kejutan reformasi dalam kehidupan rakyat di daerah ini dengan merubah beberapa adat resam karut, meniup semangat beragama, melaksanakan hukum 'Hudud' dan menyebarkan nilai kesamarataan sesama insan.

Antara tokoh-tokoh pimpinan kerajaan Perikatan yang setia mengamalkan polisi ini termasuklah Yahya bin Ibrahim, Yahya bin Umar, Abu Bakar bin Umar al-Lamatuny, Yusuf bin Tasyifin dan lain-lain. Mereka mengajar rakyat makna ikatan agama dan karier kehidupan serta bergantung hidup hasil daripada usaha tangan mereka sendiri dengan mengambil hasil daripada kekayaan bumi dan laut. Mereka juga turut mengurus sendiri soal makan minum di samping berpada dengan sesuap makanan serta berpakaian murah. Kehidupan mereka amat mudah dan sederhana. Mereka hanya mengejar keuntungan akhirat dengan ikhlas, banyak bertaubat dan beribadat kepada Allah s.w.t.<sup>29</sup>

Kejayaan usaha ini terbukti dengan penerimaan suku Takrur di Barat Afrika yang menganut agama Islam secara beramai-ramai. Mereka adalah bangsa Negro pertama menerima Islam. Dalam tempoh pemerintahan Abdullah bin Yasin, suku ini telah memainkan peranan penting dengan menyebarkan Islam kepada suku-suku lain seperti Wolof, Fulby dan Mandanju. Mereka mendirikan sekolah agama di Barat Sudan sehingga seluruh anak bangsa mereka memeluk Islam. Mereka tertarik dengan keunikan tamadun dan syariat Islam lalu memohon kepada para pendakwah kerajaan Perikatan ini supaya mengajar mereka selok-belok Islam selain membaca dan menulis. Daya tarikan ini dapat dilihat daripada peniruan cara berpakaian ala pendakwah Islam Maghribi. Pada kemuncak gelombang dakwah Islam kerajaan ini, iaitu pada zaman pemerintahan Yusuf bin Tasyifin pada kurun ke-11 Masihi, ketua-ketua suku wilayah Kanjaba (dari suku Mandanju) telah memeluk Islam. Di sini, Islam mula pesat berkembang dan berpengaruh hingga ke bahagian selatan dan tenggara Afrika dan dari sinilah munculnya Empayar negara Mali.

Orang Islam Ghana yang memeluk Islam dari pelosok Diara, Ghalm dan Masina juga terus mara hingga ke wilayah Diya. Sementara itu, kumpulan suku Duyula pula bergerak sambil menjulang panji Islam ke sempadan daerah Hutan Utara. Di sana mereka membuka beberapa pusat penyebaran Islam, seperti Bijo yang terletak berhampiran bahagian selatan sungai Pulta Hitam. Di sini juga turut berkembang pekan-pekan perdagangan, seperti Bondonko dan Kong,<sup>30</sup> sebagai pusat sosioekonomi yang berlandaskan syariat dan bercirikan Islam.

Apabila kita melalui daerah utara Afrika, kita akan menemui berbagai-bagai hasil kejayaan usaha rakyat untuk meninggikan syiar Islam di segenap tempat dan dalam pelbagai era masa. Jadi, setakat ini kita dapat menganalisis secara akademik untuk menyingkap keberhasilan usaha-usaha mereka menyebarkan ajaran Allah dan melaksanakan syariat-Nya serta usaha pembasmian gejala kejahatan, penyembahan berhala dan keruntuhan moral.

Negara Hosa pada pertengahan akhir kurun kesembilan Hijrah (kurun ke-15M) telah menyaksikan banyak perubahan penting dan melakukan beberapa gerakan mega pembaharuan. Gerakan ini dipimpin sendiri oleh beberapa orang sultan, seperti Sultan Kanu Muhammad Rampa, Sultan Katsina Muhammad Kuru dan Sultan Zaria Muhammad Rabu. Mereka telah memberi perhatian penuh kepada usaha menghidupkan syiar Islam, memerangi ideologi agama berhala dan penerapan nilai Islam dalam sistem politik negara. Selain itu mereka juga berusaha menjana kepentingan ilmu pengetahuan melalui sistem pendidikan dan skim galakan perguruan di seluruh pelosok negara. Contohnya, Sultan Muhammad Rampa yang menjadi pengasas kepada penggubalan polisi pentadbiran, kemasyarakatan dan perundangan negara. Beliau telah menukar ciri-ciri pemerintahan ala pemujaan berhala kepada sistem pentadbiran Islam dalam kerajaannya.<sup>31</sup>

Semasa pemerintahan beliau juga, berlangsung satu lawatan penting oleh salah seorang ulama pejuang yang berkaliber iaitu Sheikh Muhammad bin Abdul Karim al-Mughily al-Tilmasany al-Tawaty. Beliau dari utara Afrika telah berkunjung ke bahagian tengah dan barat Sudan seperti bandar Aghzar, Katsina, Kanu dan Satfi.

Beberapa sumber mengatakan Sheikh tersebut telah mengasaskan sebuah pusat pengajian Islam di Katsina dan menetap beberapa ketika di situ sambil mengajar orang ramai tentang hal-ehwal agama Islam. Hasil kunjungan ini, lahir ramai cendekiawan Islam tempatan dan pembinaan banyak sekolah-sekolah Islam.<sup>32</sup>

Pada suku akhir kurun ke-12H (kurun ke-18M), muncul pula gerakan Sheikh Othman bin Fudi, warga Nigeria (1166H-1233H)/(1752M-1817M). Misi pergerakan ini adalah penyebaran Islam dan pembasmian kurafat.

Sheikh Othman bin Fudi pada peringkat awal gerakannya menyeru kepada lima prinsip utama:-

1. Kewajipan Syariat Islam daripada perkara pokok sehingga kepada masalah cabang, zahir dan hakikat.
2. Mengikut sunnah dan meninggalkan yang selainnya seperti unsur bid'ah dan khurafat.
3. Menolak keraguan dan salah faham dalam pemikiran pelajar, seperti tuduhan kufur kepada orang lain tanpa hujah syarak yang jelas.
4. Membasmi amalan bid'ah yang diada-adakan dalam perkara agama serta menolak apa-apa kebaikan daripadanya.
5. Pengajaran ilmu syarak dan mencari pendekatan mudah agar dapat difahami oleh orang ramai.

Kehadiran Sheikh Othman mendapat sambutan ramai pengikutnya. Mereka datang dari seluruh pelosok negara untuk mendengar ceramah agamanya dan mengikuti jejak lakunya. Keadaan ini menyebabkan ramai ulama sezamannya berasa iri hati lalu menunjukkan sikap permusuhan dan kebencian. Ada di kalangan mereka mengadu-dombakan pihak pemerintah supaya menyekat perjalanan dakwahnya. Walaupun begitu, Sheikh Othman tidak menghiraukannya, beliau menghadapi musuh-musuhnya dengan lidah dan pena untuk menangkis tohmahan palsu mereka. Beliau menyampaikan mesej dakwahnya secara jujur dan ikhlas sehingga dapat memukau orang yang mendengarnya.

Dalam tempoh yang singkat Sheikh Othman berjaya menubuhkan satu pertubuhan dakwah yang dikenali dengan nama "Al-Jama'ah". Pendokong utamanya adalah murid-murid beliau sendiri. Mereka dilatih dan melalui proses tertentu untuk memikul tugas dakwah secara langsung dari beliau.<sup>33</sup>

Pada September 1788M Sultan Ghaubar Bau telah menjemput para ulama negara sempena hari raya Aidil Adha. Pertemuan itu berlangsung di suatu tempat bernama 'Maghma' yang turut dihadiri oleh Sheikh Othman. Sultan Ghaubar cuba mengambil hati beliau dengan mengurniakan 500 kati emas sebagai tanda penghargaan, namun pemberian itu ditolak oleh beliau, sebaliknya beliau memohon kepada Sultan lima perkara:

1. Memberi penuh kebebasan kepadanya menjelajah ke seluruh pelosok negara untuk menyampaikan dakwah.
2. Tidak menyekat mana-mana individu untuk menerima dakwahnya.
3. Menghormati ulama yang berserban.
4. Membebaskan tawanan politik.
5. Tidak menetapkan kadar cukai yang tinggi ke atas rakyat.<sup>34</sup>

Apa yang menarik, sultan bersetuju menerima segala permohonan beliau. Senario ini adalah titik tolak kepada kejayaan perjuangan Sheikh Othman bin Fudi dan dianggap kemenangan pertama bagi usaha politik dan dakwah kepada pemimpin kerajaan Hosa.

Justeru, Sheikh Othman bin Fudi berjaya kepada gerakan reformasi rakyat Islam yang cukup unik dan menarik. Beliau berjaya merealisasikan keperluan hubungan kerjasama yang jelas antara golongan politik dengan ulama pendakwah.

### **Situasi Pakatan Dakwah – Politik di India**

Fenomena biasa yang paling ketara dalam sejarah Islam di benua India ialah wujudnya kesepakatan antara elemen dakwah dengan pentadbiran negara dalam semua keadaan sama ada secara aman ataupun perang. Sebaik sahaja penyelewengan berlaku, semua akan bangkit bekerjasama untuk membetulkannya. Selalunya keadaan ini berlaku apabila para pendakwah berjaya memenangi hati pemimpin dan dapat mempengaruhi cara mereka berfikir. Seperti pada masa pemerintahan Sultan Mahmud al-Ghurnawi (Pengasas kedua kerajaan Islam India), diikuti pula pada kurun berikutnya oleh Sultan Shihabuddin al-Ghuri. Masjid-masjid di India telah tumbuh dengan pesatnya bagai cendawan selepas hujan.

Ketika para kesultanan al-Ghurnawi (351H-582H/962M-1186M), diikuti kesultanan al-Ghuri (543H-612H) berjaya meluaskan empayar takluknya, para pendakwah seperti Sheikh Mu'inuddin al-Jasyti berjaya membuka pintu hati manusia ketika itu dengan hikmah dan kebijaksanaan.

Dasar kesepakatan ini turut diikuti oleh kerajaan Mamalek (602H-689H/1206M-1290M) di bawah pimpinan Qutubuddin sebagai pengasas menara Qutb. Ia kemudiannya diikuti oleh kerajaan al-Khaljiyun (689H-721H/1290M-1321M) yang diketuai oleh Ala'uddin al-Khalji, Dinasti Taghlaq (721H-814H/1290M-1411M) dan Kerajaan al-Ludihyun (883H-932H/1448M-1526M). Mereka memberi laluan seluas-luasnya kepada para dakwah untuk menyebarkan ajaran Islam.

Diriwayatkan bahawa seorang sultan Mamalek, Syamsuddin al-'AlTumish pernah memohon kebenaran untuk menemui Sheikh Bakhtiar al-Ka'ki, kemudian baginda memberi salam kepadanya sedangkan baginda seorang raja.

Diriwayatkan juga, masjid yang didiami oleh seorang ahli Ibadat iaitu Nizamuddin al-Badayuni lebih sesak dikunjungi berbanding istana sultan ketika itu.<sup>35</sup>

Antara pemerintah yang akrab dan suka bekerjasama dengan para pendakwah dan ulama ialah Raja Muzaffar bin Mahmud al-Zi. Baginda dilahirkan pada hari Khamis 20 Syawal 875H di Gujerat. Baginda dibesarkan sebagai seorang alim yang taat dalam keluarga diraja yang salih dan kuat beribadat. Baginda mempelajari semua kitab agama dan mahir dalam bidang hadis.

Baginda ditabalkan pada bulan Ramadhan 917H ketika berusia 42 tahun. Baginda memerintah sehingga mangkat pada bulan Jamadilakhir tahun 932H. Tempoh pemerintahan baginda selama 15 tahun, dirasakan oleh rakyat bagaikan hanya 15 hari sahaja, lantaran dasar keadilan dan kemurahan, kecekalan dan ketakwaan yang baginda amalkan selama tempoh pentadbirannya.

Baginda mengamalkan ajaran sunnah Rasulullah s.a.w. melalui hadith-hadith yang dihafalnya dalam semua perkara, kecil ataupun besar, sama ada urusan peribadi, keluarga ataupun urusan rakyat jelata. Baginda sentiasa mendampingi para ulama serta memuliakan mereka dan menjadikan mereka sebagai tempat rujukan. Baginda tidak begitu berminat dengan guru-guru tarekat, namun pada penghujung hayatnya baginda menaruh simpati kepada mereka. Baginda takutkan Allah dan sentiasa bimbang untuk melanggar perintah syarak. Baginda suka menyumbang ke arah kebaikan sehingga pada satu hari baginda mengadu kepada salah seorang alim yang menjadi orang kepercayaannya iaitu Kharm Khan dengan titahnya: "Beta selalu terfikir tentang apa yang beta belanjakan, beta berasa serba salah dengan keborosan kerana ia adalah harta orang Islam ataupun kekikiran sehingga tidak memadai dengan keperluan rakyat, jika ditanya Tuhan nanti apakah yang akan beta jawab?".

Keadaan serupa juga berlaku kepada kerajaan dinasti Toghlaq iaitu semasa pemerintahan raja yang soleh iaitu Fairuz. Selain itu, muncul juga di negeri Ahmad Abad beberapa orang raja yang boleh mengembalikan nostalgia orang kepada zaman Khulafa' al- Rasyidin, seperti Muzaffaruddin al-Halim dari Gujerat.

Diriwayatkan bahawa 'Alauddin al-Khalji, maharaja India ketika itu meminta kebenaran kepada Sheikh Dahlawi sebelum berkunjung ke rumahnya, namun tidak dibenarkan. Ini membuktikan betapa tingginya kedudukan ulama dan sikap pemerintah yang sentiasa menghormati dan merendah diri terhadap mereka.

Ketika Sheikh Daulah Abadi seorang ulama tafsir jatuh sakit dan hampir menghembuskan nafas terakhirnya, Sultan Ibrahim al-Sayarqi telah melawatnya sambil meniupkan doa di kepalanya dan berharap agar dapat menyelamatkannya dari kematian.

Manakala seorang alim juga aktivis reformasi iaitu Sheikh Ahmad bin Abdul Ahad al-Sirhindi (971H-1034H) pula menjadi idola mengkagumkan dalam usaha menasihati pemerintah dan pihak berkuasa. Urusan dakwahnya dijalankan secara berhikmah dan berjaya memadamkan api fitnah maharaja Mongolia yang bernafsu untuk menawan bangsa Hindus.

Sheikh Abu Hasan Ali An-Nadawi pernah mencurahkan rasa kagumnya dengan polisi dakwah yang penuh kebijaksanaan oleh Sheikh al-Sirhindi itu. Beliau berterus terang berkata:

"Saya pelajar kerdil mengenai sejarah gerakan pembaharuan, minat saya banyak, tetapi yang paling saya minati adalah ilmu sejarah, khususnya sejarah gerakan pembaharuan. Saya tidak

pernah melihat usaha-usaha begini pada kurun-kurun terakhir ini iaitu selepas kurun kelapan yang lebih berhasil daripada kerja-kerja pembaharuan yang dilaksanakan oleh Sheikh Ahmad al-Sirhindi di benua India.”<sup>36</sup>

Beliau berkata lagi:

“Bagaimana orang dagang dan tidak bersenjata ini, lagi tidak berharta dan tidak mempunyai bala tentera, berjaya merubah arus ketidakpercayaan kepada tuhan dalam empayar besar Mongolia di kawasan timur negara Arab dan Turki. Sedangkan Maharajanya adalah seorang yang bengis dan telah memperluaskan wilayah takluknya dengan dasar kezaliman dan membenci agama Islam. Namanya Jalaluddin Akbar. Antara bukti kebencian itu tiada seorang pun daripada sidang pembesarnya berani menamakan anak mereka dengan nama Muhammad, kerana maharaja itu cukup benci dengan nama tersebut”.

Namun, Allah s.w.t. mengutuskan Sheikh al-Sirhindi memerangi bencana dan gelombang jahat ini. Jauh di penjuru rumahnya beliau terfikir mencari jalan bagi meredakan arus gelombang puaka ini. Beliau memulakannya dengan mengirim surat kepada sidang pembesar dan gabenor yang berpengaruh. Dalam kandungan surat itu terselit bibit-bibit Islam dan asuhan kebenaran. Tidak lama selepas itu beliau menulis surat dan bersua muka sehingga berjaya menawan hati ramai pembesar-pembesar kerajaan yang kemudiannya menjadi penyokong dan anak muridnya. Apabila Jalaluddin Akbar meninggal dunia, ia diganti oleh anaknya Nuruddin Jenggis. Maharaja Jenggis telah mengenali Sheikh al-Sirhindi sebagai seorang yang alim, jujur, zuhud dan pengasih. Baginda menyukai beliau dan menyanjungi kehebatannya. Dari situ, baginda mula memberi perhatian kepada usaha-usaha menyebarkan syiar Islam dan pembinaan masjid di setiap daerah takluknya. Baginda juga menghormati hak Islam dan para penganutnya.

Usaha murni Sheikh al-Sirhindi tidak terhenti di situ sahaja, malah beliau merapatkan lagi hubungannya dengan pihak pemerintah dan para pembesar negara sehingga berhasil membentuk kumpulan yang mempunyai sentimen agama yang kuat. Beliau berjaya menukar haluan arus rentetan sejarah. Maharaja Jenggis adalah lebih baik daripada bapanya. Manakala anaknya Shah Jehan lebih baik daripada Jenggis, tetapi baginda membelanjakan harta kekayaan bumi India dengan banyaknya untuk pembinaan kota dan kesenian binaan.

Sheikh An-Nadawi merumuskan rahsia kejayaan al-Sirhindi dengan berkata:

‘Di sana terdapat 2 faktor utama bagi kejayaan seseorang da’i. Pertama, memiliki idea dan menguasainya. Kedua, membuang sifat ketamakan duniawi seperti pangkat dan kuasa.’<sup>37</sup>

Antara anugerah Allah s.w.t. kepada negara Islam di India ialah ketika Raja Aurengzeb Alimkir menaiki takhta kerajaan (1068H-1119H/1658M-1707M), iaitu setelah banyak negara Islam mengalami kehancuran, baginda menghapuskan amalan bidaah dan bertindak ke atas peminum arak dan pemain judi. Baginda menghantar pasukan penyiasat elit untuk memerhati tingkah laku orang ramai serta membina semula masjid yang runtuh dan melantik para khatib dan penceramah agama. Baginda adalah benih terbaik yang dihasilkan oleh Sheikh al-Sirhindi r.h.a. Baginda menghabiskan usianya dengan menyebarkan Islam dan memberi tumpuan kepada keutamaan agama. Baginda mengakhiri umurnya dengan sebaik-baiknya sebagai seorang muslim yang bertakwa dan taat kepada perintah Allah s.w.t. Contohnya, Baginda pernah turun dari tunggangannya untuk mengerjakan sembahyang dengan khusyuk dan tawaduk dan menolak kehadiran penyanyi dan muzik dalam balai sidanganya. Semuanya ini adalah berkat kemuliaan akhlaknya yang banyak bersabar dan suka merendahkan diri.

Sementara itu, Aurengzeb juga berjaya membasmi anasir perpecahan dalam kerajaannya dengan cemerlang. Begitu juga dengan gerakan zindik yang merupakan peninggalan sejarah hitam dari datuknya, Maharaja Jalaluddin Akbar. Baginda memansuhkan 80 jenis cukai di samping membina masjid di seluruh pelosok India dan melantik para da'i serta guru agama bagi setiap masjid. Baginda mendekati golongan ulama dan cendekiawan serta membantu mereka mendirikan sekolah di samping memperuntukkan elaun khas bersyarat, iaitu mereka mesti bekerja. Baginda turut menggubal akta rasmi untuk pelaksanaan perundangan Islam yang dikenali sebagai "Fatwa Alimkiriah". Akta ini menjadi sumber rujukan terpenting kepada peketiling 'Hukum Keadilan' dalam pemerintahan kerajaan Uthmaniyah.

Justeru, semua itu adalah adunan daripada pemerintah dengan ilmu Islam, golongan pihak berkuasa memberi kerjasama sepenuhnya kepada pihak yang berilmu. Gandingan mantap pemimpin ilmu dengan pemimpin kerajaan dalam menerajui pentadbiran negara adalah rahsia kejayaan Islam sendiri. Padanan ini terbukti dengan jelas dalam sejarah Islam di India yang berjaya menarik minat orang ramai memeluk Islam. Kejayaan Islam di India ini telah membuka lembaran indah dalam lipatan sejarah ketamaduan Islam.

Seperti yang disebut oleh Sahibus Samahah Sheikh Abu Hasan An-Nadawi r.h.a.:

"Barang siapa yang membaca kisah hidup Maharaja Aurengzeb Alimkir ia akan menemui berbagai-bagai faedah berkaitan aspek keilmuan dan amalan. Ia menampilkan usaha-usaha gigih sepanjang 50 tahun tanpa berhenti walau sehari pun, seperti tidak berhentinya kerja-kerja perluasan empayar dan gerakan mega pembaharuan. Ia adalah hasil sifat ketabahan dan tahan uji, komitmen dan cermat dalam membahagi masa, menjaga kewajipan fardhu dan sunat, memenuhi waktu lapangnya dengan beribadat dan menimba ilmu. Baginda amat

berhati-hati mengurus pentadbiran negaranya yang luas sehingga tiada tandingannya ketika itu. Diakui bahawa kehebatan Aurengzeb dan sifat progresifnya adalah tiada tolak bandingan di kalangan raja seluruh dunia.<sup>38</sup>

### **Peranan Ahli Sufi dalam Menyokong Pihak Berkuasa dan Menentang Kerosakan**

Seorang ahli sufi yang mujahid, Sahl al-Tastiri telah berusaha bersungguh-sungguh menentang kumpulan bid'ah yang mendakwa diri mereka baik dan zuhud. Sebaliknya mereka menuntut dunia – tetapi berpura-pura zuhud – dengan jalan yang paling hina dan buruk. Beliau telah menerbitkan sebuah buku yang bertajuk *Penentangan dan Penolakan Golongan Bidaah dan Mendakwa dalam Pelbagai Keadaan*.<sup>39</sup>

Ramai ahli zuhud menentang gelombang kerosakan, kemungkararan dan munafiq. Al-Tastiri dalam kitabnya *Warisan Sufi* membuat perbincangan yang cukup baik dalam bidang-bidang ini. Antaranya beliau mengatakan: “Ketahuilah dengan yakin bahawa kamu tidak akan dapati pada zaman kamu ini orang yang beramal dengan amalannya kecuali jika dikehendaki Allah. Orang yang banyak ilmu maka dialah yang paling buruk keadaannya.” Dikatakan kepadanya: “Bagaimana boleh jadi demikian dan kenapa jadi demikian?” Dia menjawab: “Kerana mereka menjadikan ilmu mereka sebagai sumber rezeki mereka, ataupun untuk mencari pangkat, kesenangan dunia dan riyah serta mencari nama. Mereka meninggalkan perkara yang paling utama dan lebih mengutamakan dunia daripada akhirat”.<sup>40</sup>

Al-Tasitri juga berkata: “Akan ada pada akhir zaman tiga golongan ulama: satu golongan yang mengetahui kemungkararan tetapi mereka mengingkarinya dengan hati mereka, satu kumpulan lagi apabila mereka mengetahui kemungkararan tetapi mereka tetap bergaul dengan mereka dan golongan yang ketiga ialah mereka yang mengetahui kemungkararan lalu mereka mengingkarinya dengan ilmu pengetahuan semaksima mungkin. Mereka ini lebih mulia daripada belerang merah”.<sup>41</sup>

Imam Hassan al-Basri merupakan contoh ikutan dalam merubah kemungkararan dengan hikmah dan nasihat yang baik. Beliau lebih mengutamakan kaedah merubah kemungkararan dengan kerugian yang paling minima, kerana menolak kemudaratan lebih diutamakan berbanding dengan memperolehi maslahat. Oleh itu, dia pernah mengatakan kepada orang ramai:

“Sesungguhnya pemerintah yang zalim kemungkinan ia merupakan balasan daripada Allah s.w.t. dan sesuatu balasan itu tidak boleh ditolak dengan pemberontakan ke atasnya, ataupun ia merupakan bala yang perlu dihadapi dengan kesabaran sehingga Allah s.w.t. menghukum ke atasnya”.

Ketika diberi peluang kepada Hassan al-Basri untuk memberi nasihat kepada Gabenor Ibn Hubairah, dia pun menasihatinya dengan kata-kata yang paling berhikmah dan berani berbeza dengan dua orang sahabatnya yang mengampu ketika menasihati Ibn Hubairah, iaitu Ibn Sirin dan al-Sya'bi. Apa yang menariknya, Ibn Hubairah telah memberi pemberian yang lebih banyak kepada Hassan al-Basri berbanding dengan dua sahabatnya, sedangkan mereka berdua telah menggunakan kata-kata yang lembut. Mereka berdua telah berkata sebagai ulasan tentang perkara itu: "Kami bersikap mudah terhadapnya, lalu dia bersikap mudah terhadap kami".<sup>42</sup>

Al-Fudail bin Iyadh juga mengambil langkah yang sama seperti Hassan al-Basri terhadap khalifah Bani Abbas ketika memberi nasihat. Dia berkata: "Sekiranya aku mempunyai doa yang mustajab, aku hanya akan mengkhususkannya kepada pemerintah (dia maksudkan bahawa masalah rakyat dan negara bergantung kepada masalah pemimpin)".

Cerita-cerita mengenai al-Fudhail bin Iyadh dengan Harun al-Rashid cukup banyak. Antaranya ketika Harun al-Rashid berkata kepadanya: "Nasihatilah aku", lalu dia pun berkata: "Apakah lagi yang boleh aku menasihatimu. Ini kitab Allah yang bertulis. Lihatlah apa yang Dia lakukan terhadap orang yang mentaatinya dan apa pula yang Dia lakukan terhadap orang yang menderhakainya? Sesungguhnya aku melihat orang ramai berpusu-pusu menuju ke neraka dan mereka benar-benar mahukannya. Demi Allah, Sekiranya mereka menuntut syurga seumpamanya atau kurang sedikit daripada itu pasti mereka akan memperolehnya". Lalu Harun berkata kepadanya: "Kembalilah lagi". Al-Fudhail pun berkata: "Sekiranya engkau tidak menghantar utusan yang memintaku datang pasti aku tidak datang. Sekiranya engkau mendapat faedah daripada apa yang engkau dengar daripadaku aku akan kembali". Pada satu hari Rashid pernah berkata kepadanya: "langkah zuhudnya kamu!" Dia menjawab: "Engkau lebih zuhud daripadaku". Rashid berkata: "Bagaimana?" Dia menjawab: "Kerana aku zuhud di dunia dan engkau pula zuhud di akhirat. Dunia ini fana dan akhirat jua yang kekal abadi".<sup>43</sup>

Zi al-Nun al-Misri adalah seorang yang berpendirian pada zaman Khalifah al-Mutawakkil al-Abbasi, begitu juga dengan Hatim al-Asamm di zaman Rashid. Sahl al-Tastiri telah menolak untuk membuat hubungan dengan pemerintah Ibn al-Saffar kecuali setelah dia mengembalikan apa yang dirampasnya secara zalim daripada orang ramai. Kemudian ketika Sahl al-Tastiri membuat hubungan dengan Ibn al-Saffar, dia diberi harta yang banyak tetapi dia tidak menerimanya.<sup>44</sup>

Imam Abu Hamidi al-Ghazali mempunyai pendirian yang cukup hebat dan berpendirian tetap atas kebenaran dan menentang kemungkaran, tanpa sedikit pun rasa takut terhadap celaan di jalan Allah. Antaranya ialah nasihat yang diberikannya kepada salah seorang raja Khurasan dengan katanya: "Alangkah sedihnya! Sesungguhnya leher orang Islam hampir terputus disebabkan musibah dan leher kudamu hampir terputus disebabkan pengikat emas". Al-Ghazali juga

pernah menulis kepada pemerintah bandar Tus di Kharasan dengan katanya: "Ketahuilah bahawa hawasanya bandar Tus telah menjadi rosak disebabkan kelaparan dan kezaliman, dan doa penduduknya sama ada baik ataupun buruk adalah diterima. Oleh itu takutilah kamu akan Allah".

Sheikh al-Jailani juga seorang yang berpendirian terhadap khalifah. Ketika khalifah al-Muqtafi melantik hakim yang zalim dia telah berkata di atas mimbar: "Engkau telah melantik seorang yang paling zalim ke atas orang ramai, apakah jawapan kamu di sisi Tuhan semesta alam yang maha Pengasih? Khalifah menggeletar dan menangis lalu memecat hakim yang zalim itu".<sup>45</sup>

Jalan jihad yang sama dengan menggunakan kata-kata dan menyuruh kepada kebaikan telah diikuti oleh Abu Hassan al-Shazli yang mempunyai pendirian yang tetap terhadap sultan-sultan dan cerita-mengennainya cukup banyak.

Ahli-ahli sufi di Yaman sepanjang kurun keenam dan ketujuh Hijrah mempunyai pengaruh yang cukup jelas dalam merubah sistem dan cara pemerintahan.

Ahli-ahli sejarah menyebut, hubungan persahabatan yang cukup akrab antara pengasas Daulah Rasuliah, Raja al-Mansur bin Omar bin Ali bin Rasul (629-647H) dengan ahli fikah dan ahli sufi Muhammad bin Abu Bakr al-Hakam (617H) dan sahabat sufinya Muhammad bin Husain al-Julaini. Dikatakan bahawa mereka berdua yang meneguhkan keazamannya untuk menguasai pemerintahan setelah mereka menyaksikan rosaknya sistem pemerintahan lalu. Dengan ini, Daulah Rasuliah telah terhutang budi dengan ahli-ahli sufi yang soleh dari segi lahirnya.<sup>46</sup>

Walau bagaimanapun, ramai ahli sufi yang berusaha bersungguh-sungguh mengubah keadaan dan mendidik diri dan keluarga mereka serta memperbaiki keadaan sosial dengan cara yang berhikmah. Mereka mendapati antara ruang bagi perubahan sosial adalah melalui menasihati pemerintah dan ia merupakan perkara yang memerlukan sifat benar dengan Allah dan keberanian yang tidak dimiliki kecuali oleh ahli zuhud di dunia ini.<sup>47</sup>

Ciri kerohanian adalah jelas dalam pemikiran seorang ahli falsafah, mujadid, pengasas pemikiran dan kerohanian negara Pakistan iaitu Muhammad Iqbal. Beliau pembawa idea falsafah jati Islam. Iqbal mengetahui hakikat manusia dan nilainya, lalu dia mahu memberi satu pengajaran kemanusiaan yang sebenar yang mengandungi ciri ketuhanan dengan menyeru manusia supaya berakhlak baik seperti yang diperintahkan Allah s.w.t. dan memperoleh sifat-sifat-Nya. Iqbal berkata: "Tiada suatu pun yang dapat menghalang manusia dalam usaha untuk meningkatkan kerohanian mereka sama ada dari segi masa, tempat dan keseluruhan pengetahuan material dan syaitan sendiri tidak mampu mematahkan keazaman manusia untuk meningkatkan kerohanian yang berkekalan dan kerinduan untuk berhubung dengan hakikat yang kekal abadi dan sampai kepada Allah s.w.t."<sup>48</sup>

Seperti kata Imam Abu Hasan al-Nadawi: "Iqbal terdidik dalam dua aliran, pertamanya tradisional, iaitu aliran sijil-sijil. Keduanya ialah aliran yang wujud pada setiap masa dan yang paling lama di muka bumi ini. Ia adalah aliran dalaman yang lahir bersama manusia lalu dibawa bersamanya ke setiap tempat. Ia adalah aliran hati dan perasaan, aliran yang diawasi oleh pendidikan ketuhanan dan memberinya kekuatan kerohanian.<sup>49</sup> Guru-guru aliran ini adalah keimanan, kasih sayang yang mendalam terhadap Rasulullah s.a.w. dan al-Quran dengan segala kesan yang hanya ada padanya".<sup>50</sup>

### **Negara yang Berdakwah di Semananjung Tanah Arab di Zaman Moden**

Kurun ke-12H bersamaan kurun ke-18M adalah permulaan zaman dakwah reformasi yang dilakukan oleh Sheikh Muhammad bin Abdul Wahab.

Pada kurun ini, dunia Islam berjalan di atas manhaj yang sama seperti sebelumnya, iaitu terpisah jauh daripada hakikat keislaman dan penguasaan konsep-konsep yang silap ke atas pemikiran muslim, perpecahan politik, kegawatan ekonomi dan keruntuhan sosial sehingga suasana ketika itu boleh menerima penjajahan.<sup>51</sup> Pemikir Aljeria Malik bin Nabi mengatakan ia adalah keadaan di mana manusia berada dalam pengangguran, kejahilan dan keruntuhan akhlak yang disebabkan oleh dua keruntuhan: pemikiran dan kejiwaan.

Muhammad bin Abdul Wahab dilahirkan pada 1115H/1072M di Ainiah, barat daya Riyadh.<sup>52</sup> Kehidupannya dipenuhi dengan pengajian dan musafir untuk menuntut ilmu. Dia menghafaz al-Quran sejak umurnya 10 tahun lagi.<sup>53</sup> serta seorang yang tajam pemikirannya. Dia berjuang untuk membentuk pandangan salaf bagi mengembalikan keadaan umat Islam kepada kebaikan sehingga berjaya mengembalikannya ke tempatnya yang bersejarah.

Dia sentiasa berada dalam keadaan begini sehingga dia meninggal dunia pada 1206H (1792M) setelah menyaksikan kesan pembaharuannya di Semananjung Tanah Arab dan setelah bertukarnya keadaan orang Badwi di hadapan matanya daripada kehidupan jahiliyah kepada kehidupan maju dan menerangi Najd dan Semananjung Tanah Arab dengan dakwahnya yang agung.<sup>54</sup>

Dakwah pembaharuan yang dibawa oleh Imam Muhammad bin Abdul Wahab dapat diringkaskan seperti berikut:

1. Memperbetul akidah muslim dan membersihkannya daripada segala bentuk syirik yang melekat padanya dengan kembali kepada akidah tauhid seperti yang terdapat dalam al-Quran dan al-Hadis yang sahih.
2. Menolak khurafat yang menulari Islam dalam tawasul dan memohon bantuan serta menentang khurafat dan bidaah.

3. Membuka pintu ijtihad apabila cukup syaratnya dan tidak taksud kepada mana-mana mazhab tertentu serta orang Islam perlu kembali kepada perhubungan terus dengan al-Quran al-Karim.
4. Perlunya menghidupkan fardu hisbah, iaitu menyuruh kepada kebaikan dan melarang daripada kemungkaran dan menghidupkan fardu jihad yang terpadam dari jiwa umat Islam.
5. Berusaha mendirikan sebuah negara yang berasaskan dakwah kerana melalui negara dan dakwah akan terbinanya tamadun Islam. Perpecahan dan pemisahan antara pemimpin dan pendakwah akan menyebabkan berlakunya kejatuhan dan perpecahan.

Usaha sheikh Muhammad bin Abdul Wahab telah mendapat kejayaan besar apabila ia bergabung dengan Imam Muhammad bin Saud al-Kabir. Kemudiannya mereka berdua berjanji untuk mendirikan sebuah negara sebagai pusat dakwah yang didirikan di Diriyah berhampiran Riyadh dan berpanjangan hingga ke pelosok semenanjung dan memberi kesan kepada ramai golongan pembaharuan dan mujaddid di dunia Islam.

Negara sebagai pusat dakwah ini telah melalui beberapa peringkat, iaitu negara Saudi pertama, kedua dan negara Saudi ketiga yang dipimpin oleh Raja Abdul Aziz bin Abdul Rahman al Saud. Anak-anaknya yang mulia dan ikhlas meneruskan usaha membawa panji negara dan dakwah, diikuti oleh Raja Faisal, sehinggalah ke Raja Fahd.

### **Bentuk Dakwah Semasa di Turki**

Said al-Nursi dilahirkan di kampung Nurs, iaitu sebuah kampung berhampiran Khaizan yang terletak di bawah wilayah Benis di timur Anadhul pada 1293H (1873M).<sup>55</sup>

Bapanya Mirza seorang yang sangat warak sehingga dijadikan contoh teladan dari sudut zuhud dan warakan. Dia tidak memberi makan kepada anak-anaknya kecuali yang halal sehinggakan ketika ia membawa balik binatang ternakannya dari padang ternakan, dia akan menarik mulut binatang tersebut supaya tidak memakan daripada tanaman orang lain. Emaknya Nuriah berkata: "Aku tidak pernah menyusukan anak-anakku kecuali dalam keadaan suci dan berwuduk".

Pada peringkat awalnya, dia menuntut ilmu daripada guru-guru di kampung Tagh iaitu pada 1882. Pada 1888M dia pergi ke Batlis dan memasuki sekolah Sheikh Amin Afandi.<sup>56</sup>

Pada 1892M, Said al-Nursi pergi ke Mardin dan mula menyampaikan pengajarannya di sebuah masjid di bandar itu dan menjawab soalan orang yang datang. Dia disebut sebagai al-Mula Said.

Pada 1894 dia pergi ke Wan atas jemputan gabenornya iaitu Hasan Bek dan tinggal

bersamanya, dan kemudiannya dia tinggal di rumah Tahir Basya. Allah s.w.t. mentakdirkannya berpeluang menemui sebahagian guru-guru ilmu moden (seperti geografi, kimia dan sebagainya). Ketika ia turut sama berbincang dengan mereka, dia merasakan kelemahannya dalam ilmu-ilmu tersebut yang mendorongnya mempelajarinya dengan bersungguh-sungguh sehingga dia dapat menguasainya sehingga mampu untuk menulis dan berbincang dengan pakar-pakar bidang tersebut.<sup>57</sup>

Dalam tempoh ini dan ketika dia berada di Wan dia membaca di akhbar harian satu berita yang memeranjatkan yang menggoncang seluruh urat sarafnya. Akhbar tersebut menyiarkan kata-kata menteri penjajahan Britain, Gladstone di sidang parlimen Britain dengan mengajukan kata-katanya kepada ahli parlimen dan di tangannya ada sebuah naskah al-Quran al-Karim: "Selama mana al-Quran ini berada di tangan orang-orang Islam, kita tidak mampu untuk memerintah mereka. Oleh itu, tiada jalan keluar selain menghapuskannya dari alam ini atau memutuskan hubungan orang Islam dengannya."

Kenyataan jahat ini telah menggoncang jiwanya lalu dia berjanji terhadap dirinya untuk memperuntukkan seluruh kehidupannya bagi menzahirkan mukjizat al-Quran dan menghubungkan orang Islam dengan Kitab Allah. Dia berkata: "Aku akan buktikan kepada dunia bahawa al-Quran adalah matahari maknawi yang tidak akan terpadam maknanya dan tidak mungkin dipadam cahayanya".<sup>58</sup>

Pada musim sejuk tahun 1911M (1327H), Said al-Nursi telah melawat Syam, tempat saudara perempuannya tinggal. Dia telah menyampaikan syarahan dalam bahasa Arab di masjid Umawi di Damsyiq kepada para ulama dan ahli jemaah yang begitu ramai. Ceramahnya ini dicetak dalam sebuah buku bertajuk Syarahan Syam dan dia telah mengenal pasti penyakit-penyakit umat Islam dan penawar-penawarnya. Dia berpendapat penyakit tersebut dapat dirumuskan kepada enam penyakit yang berikut:

1. Putus asa yang menyekat unsur-unsur kehidupan dalam jiwa kita.
2. Tiadanya sifat benar dalam kehidupan sosial kita.
3. Suka perseteruan dan benci-membenci serta lebih mengutamakan perbalahan.
4. Tidak memperdulikan hubungan dalaman yang mengikat sesama umat Islam.
5. Merebaknya penindasan/diktator seperti merebaknya pelbagai penyakit berjangkit. Penindasan ini berterusan dalam kehidupan kita.
6. Hanya mahukan kepentingan peribadi tanpa mengendahkan faedah umum.<sup>59</sup>

Ketika diminta bertemu dengan kerajaan Kamal Atartuk dan anggota parlimen di Ankara dia menerima jemputan itu dan pergi ke Ankara pada 1922M sebelum hari raya Idul Adha. Dia disambut di stesyen dengan meriah tetapi beliau kurang gembira di sana, kerana dia berasa

amat sedih disebabkan kebanyakan ahli parlimen tidak menunaikan sembahyang, serta tindak tanduk dan sikap Mustafa Kamal Atartuk yang memusuhi Islam amat menyedihkannya. Oleh itu, dia mengambil keputusan mencetak satu kenyataan pada 19/1/1923M yang mengandungi sembilan belas perkara yang diajukan kepada ahli parlimen dengan memberi nasihat kepada mereka dan memperingatkan mereka tentang Islam. Dia memulakan kata-katanya: "Wahai orang-orang yang dibangkitkan, kamu akan dibangkitkan pada satu hari yang agung". Akibat daripada kenyataan ini yang diedarkan kepada ahli-ahli parlimen dan disampaikan oleh Jeneral Kazim Karh Bakr (pemimpin pertama gerakan kemerdekaan) seramai hampir 60 orang ahli parlimen beristiqamah dengan agama dan menunaikan sembahyang sehingga surau bangunan parlimen tidak cukup untuk orang bersembahyang. Hal ini menyebabkan mereka berpindah ke bilik yang lebih besar.

Mustafa Kamal kurang senang dengan kenyataannya ini, lalu dia memanggil Badi' al-Zaman dan berlakulah perbalahan yang hebat. Antara yang dikatakan oleh Mustafa Kamal ialah: "Tidak syak lagi bahawa kita memerlukan seorang ustaz yang berkebolehan seperti kamu. Kami memanggil kamu ke sini untuk mengambil faedah daripada pendapat kamu yang penting. Tetapi ilmu pertama yang kamu lakukan kepada kami ialah membincangkan tentang sembahyang. Sesungguhnya usaha kamu yang pertama di sini menyebabkan berlakunya perpecahan antara ahli parlimen ini". Badi' al-Zaman menjawab dengan menunjukkan jari kepadanya secara keras: "Basya...Basya... Sesungguhnya hakikat yang paling besar selepas beriman dengan Allah ialah sembahyang dan orang yang tidak bersembahyang ialah pengkhianat dan pemerintahan yang khianat adalah ditolak".<sup>60</sup>

Ketika berlakunya dengan jelas konspirasi terhadap Islam dari sudut agama, tamadun dan pemerintahan, dan berlaku penguasaan fahaman sekular dan zionis di Turki, Said al-Nursi jelas tidak mensia-siakan masanya dengan tangisan dan melaknat kegelapan. Sebaliknya dia telah memprogramkan kehidupannya untuk menentang fahaman Sekular Masuni ini yang datang mencabut benih-benih keimanan dengan bersenjatakan tipu helah, konspirasi dan keruntuhan akhlak serta mengeksploitasi kesenian dan kebudayaan untuk tujuan material serta kehidupan yang porak-peranda.

Selama lebih lima puluh tahun sehingga 25 Ramadan 1379H bersamaan 23 Mac 1960 ketika kematiannya, Said al-Nursi hidup berjuang dengan mata penanya dalam usaha pendidikan dan dakwah. Di hadapannya hanya satu tujuan yang ditujunya setelah melalui pelbagai pengalaman, iaitu menyuburkan benih keimanan yang syumul melalui pendidikan al-Quran dan al-Hadis dan mencabut benih sekular yang ditanam oleh golongan Sekular Masuni di bumi Turki dan dunia Islam. Ensiklopedianya Risalah Nur adalah ringkasan rancangannya yang besar untuk membangkitkan umat Islam secara Islam dan semasa.

Seperti yang telah kita lihat, dalam usaha untuk menyelamatkan iman, Said al-Nursi melibatkan diri dengan politik dan dia membuat hubungan dengan ahli-ahli politik dan pembesar Khalifah Uthmaniyah dan beliau memberi cadangan kepada sultan supaya ditubuhkan Universiti Islam Antarabangsa di Asia yang menyerupai al-Azhar di Afrika.

Walau bagaimanapun apabila Said al-Nursi mendapati pembaikan melalui politik gagal dan pemimpin berpendapat bahawa kemajuan tidak dapat dibangunkan atas asas Islam dan jati diri tamadun al-Quran yang tersendiri, dia meninggalkan politik dan menjauhi segala bentuk konfrontasi dengan pemimpin. Kemudian dia berjuang sepenuh masa untuk membina umat berdasarkan kefahaman semasa kepada al-Quran, iaitu kefahaman yang tujuan akhirnya adalah pembinaan individu semasa yang mukmin, kemudian membina masyarakat Islam dan tamadun Islam yang mampu untuk menolak sekular melalui akal, ilmu dan agama dan membina kemanusiaan mukmin semasa.<sup>61</sup>

### **Peperangan Pembebasan Algeria Sebagai Gambaran Jelas tentang Kesepaduan Jihad, Politik dan Dakwah**

Imam Abdul Hamid bin Badis dilahirkan pada 1889M di bandar Konstantinopel, iaitu bandar terbesar di timur Algeria dan bandar yang paling menarik dari sudut kedudukan semulajadinya dan yang termasyur dari sudut kebudayaan Islam serta melahirkan ramai pemikir Islam di Algeria di samping terdapat banyak peninggalan sejarah Islam.

Di bandar inilah Sheikh Ibn Badis dibesarkan dan mempelajari ilmu-ilmunya. Kemudian dia menamatkan pengajiannya di Zaituniah pada 1912M seterusnya menunaikan haji di Makkah – sama seperti Raja Abdul Kadir al-Jazairi – sambil mengambil peluang perjalanan ini dengan mengelilingi timur dan barat. Dia berpeluang mengetahui banyak penyakit orang Islam. Dia kembali ke Algeria dengan keazaman untuk membuat pembaikan mengikut manhaj Islam yang gambarannya sudah pun berada dalam pemikirannya dengan pendekatan penting, sebahagiannya terbit daripada realiti dan sebahagian lagi daripada ilmu yang dipelajarinya.

Sheikh Ibn Badis melalui suasana tribulasi pendudukan Perancis di Algeria yang cuba menghapuskan Islam dan bahasa Arab serta kesan-kesan tamadun Islam dari Algeria. Islam telah tersebar luas dan keluar dari Algeria selama-lamanya. Oleh itu, gerakan penentangan Algeria secara umumnya merupakan gerakan Islam.

Sekiranya ciri Islam pada gerakan Raja Abdul Kadir al-Jazairi dikecualikan, kita dapati ciri Islam ini ada pada gerakan Najm, di utara Afrika yang lahir pada 1925M. Oleh itu, gerakan ini terus berkembang dengan cepat dan menempah namanya dengan jelas sejak 1936M dan dikenali dengan nama “Kesatuan Kebangsaan Muslim Maghrib”.

Dalam suasana jihad Islam yang memimpin peperangan menyelamatkan Algeria daripada

cengkaman Perancis yang ganas, muncul pula Persatuan Ulama Islam Algeria di bawah pimpinan Abdul Hamid bin Badis tahun 1930M yang menerangkan teknik yang jelas bagi semua tujuan yang tidak tersusun seperti berikut:

- \* Menentang penggabungan dan perubahan jenis serta menyatakan jati diri Algeria.
- \* Memisahkan agama Islam dan semua tenaga penggerakannya daripada kekuasaan negara Perancis yang memerintah.
- \* Membuka peluang untuk pengajaran Arab dan pengetahuan/kebudayaan Arab.
- \* Mendidik pemuda Algeria dengan pendidikan Islam.
- \* Berusaha menyatukan umat Islam dan menghapuskan sebab-sebab keruntuhan mereka.
- \* Menubuhkan sekolah-sekolah Arab dan Islam.
- \* Membina masjid dan kelab kebudayaan.
- \* Menghantar utusan ilmiah ke negara Islam yang maju.
- \* Mengasaskan pasukan peneroka Islam.
- \* Mengasaskan persatuan korporat Islam.
- \* Mengasaskan persatuan kesenian dan muzik Arab.
- \* Menubuhkan surat khabar Arab dan Islam.

Sheikh Ibn Badis telah mentafsirkan al-Quran al-Karim dengan tafsiran yang dapat menyedarkan bangsa Algeria. Bukan satu perkara yang menghairankan apabila rakyat merayakan hari penutup tafsiran ini seolah-olah merayakan hari kemerdekaan kerohanian dan tamadun. Justeru, bertemulah kehendak pemimpin, mujahid, pendakwah dan ulama di bawah pimpinan persatuan ulama yang melaungkan di hadapan semua orang slogannya yang berkumandang di seluruh pelosok Algeria: "Rakyat Algeria adalah muslim dan dinasabkan kepada Arab".

Setelah jihad yang panjang dan peperangan secara langsung berlaku antara rakyat Algeria dan penjajahan, Perancis pun keluar dari Algeria pada 1926M setelah berada di bawah Algeria selama 130 tahun.

## **Penutup**

Inilah sebahagian pengajaran yang dipilih daripada sejarah Islam kita. Pastinya terdapat banyak pengajaran lain yang memenuhi lembaran sejarah yang hebat ini. Sementara itu, terdapat pengajaran dari sudut yang lain yang menegaskan kepada kita bahawa, kekalahan dan bencana adalah berkait rapat dengan perpecahan dan perbalahan antara pemimpin dan ulama serta sebahagian gerakan Islam.

Oleh itu, fenomena pasang surut dalam sejarah kita ada positif dan negatifnya yang berkait rapat dengan tahap hubungan ini. Pemimpin dan ulama merupakan akal dan hati umat, tanpa akal dan hati tidak mungkin jasad Islam akan bergerak.

Dalam zaman kita yang moden ini kita mesti meletakkan hakikat ini di hadapan semua pemimpin dan ulama semoga dalam tribulasi Islam yang kita hadapinya ini, mereka dapat mengatasi krisis perpecahan dan perbalahan dan mereka dapat bertemu di atas prinsip-prinsip yang mendasari umat ini yang diambil daripada agama, tamadun dan risalah rabbani kemanusiaan. Mereka juga hendaklah saling bertoleransi dalam perkara yang bercanggah pendapat. Semuanya ini dalam skop yang dibolehkan melalui ijthad fikah dan sistem pentadbiran Islam.

## Catatan

1. Ibn al-Qalanis. *Zail Tarikh Dimasyq*, Hlm. 126, Cet. Beirut.
2. Ibn Kathir. *Al-Bidayat wa al-Nihayat*, Juz. 12, Hlm. 146, Cet. Dar Sadir , Beirut.
3. Muhammad Husain Syandab. *Al-Hadharat al-Islamiat fi Baghdad*, Hlm. 16, Cet. Dar al-Nafa'is, Beirut, 1404H.
4. Ibnu Kathir. *Al-Bidayat wa al-Nihayat*, Juz. 12, Hlm. 111.
5. Muhammad Husain Syandab. *Al-Hadharat al-Islamiat fi Baghdad*, Hlm. 56.
6. Muhammad Husain Syandab, *Ibid*.
7. Ibnu Athir, *al-Kamil*, Hlm. 535, Cet. Dar Sadir , Beirut. Lihat juga Muhammad Husain Syandab, *Ibid*. Hlm. 187.
8. Ibnu Athir, *Ibid*, Hlm. 535, Lihat juga Muhammad Husain Syandab, *Ibid*. Hlm. 187.
9. Ibnu Athir , *Ibid*, Juz 10, Hlm. 536. Lihat juga Ibnu al- Jauzi, *al-Muntazim fi Tarikh al-Umam wa al-Muluk*. Juz. 8, Hlm. 294, Hyderabad, India, 1357H.
10. Nazir Hassan Sa'dawi. *al-Mu'arrikhun al-Mu'asirun li Salahuddin al-Ayyubi*, Hlm. 27, Cet. Maktabat al-Nahdhat al-Misriyat, 1962M.
11. *Ibid*, Hlm. 31-32.
12. Hanafi Khattab. *Al-Harakat al-Dakhiliat fi al-Daulat al-Malukiyyat al-'Ulaa*, tesis sarjana 1943M, Universiti Kaherah, Hlm. 121.
13. Syarifah al-Mindil. *Al-Harakat al-Dakhiliat fi al-Daulat al-Malukiyyat al-Thaniyat*, tesis sarjana 1409H, Fakulti Sastera Perempuan, Riyad.
14. *Ibid*, Hlm. 120.
15. Ibn 'Iyas Muhammad bin Ahmad. *Badai' al-Zuhur fi Waqai' al-Duhur*, Juz. 2, Hlm. 46, Cet. Al-Hai't al-Misriyat al-'Ama t lil-Kitab, 1403H.
16. *Ibid*, Hlm, 39-40. Lihat juga, Syarifah al-Mindil, *Ibid*, Hlm. 125.

17. Ibid.
18. Ibn 'Iyas, Hlm. 153, Syarifah al-Mindil, Hlm. 126.
19. Al-Muqrizi, al-Suluk, 4/2, Hlm. 1021 (petikan dari tesis Syarifah al-Mindil, Hlm. 127).
20. Ibn 'Iyas, Hlm. 207, Syarifah al-Mindil, Hlm. 130.
21. Syarifah al-Mindil, Hlm. 131.
22. Ibid, Hlm.137 dan 139.
23. Ibid.
24. Ismail Yaghi dan Mahmud Syakir. *Tarikh al-'Alam al-Islami al-Hadith wa al-Mu'asir*, Juz. 1, Hlm. 151 dan 152, Cet. Dar al-Marikh, Riyad, 1404H.
25. Dr. Hamid Ghanim. *Al-Jabhat al-Islamiat*, Juz. 3, Hlm. 24, Cet. Mesir.
26. Al-Suluk Li Al-Muqrizy, Juz. 1, Per. 2, Hlm. 427-429 (dipetik dari buku *Dokumentari Perang Salib dan Monggol* oleh Dr. Mohammad Mahir Hamadah, Hlm. 354), Cet. Beirut.
27. Ali Tantawy. *Rijal Min al-Tarikh*, Hlm. 202, Cet. Muassasah al-Risalat.
28. Dr. 'Ismat Abdul Latif Dandash. *Peranan Empayar Perikatan dalam Penyebaran Islam di Afrika Barat*, Hlm. 66, Cet. Dar al-Maghrib, 1988. Lihat, Ibrahim al-Jamal: Al-Imam Abdul Latif bin Yasin, Hlm. 61, Cet. Dar al-Islah, Dammam.
29. Dr. 'Ismat Abdul Latif Dandash, Ibid, Hlm. 74.
30. Ibid, Hlm. 126-147, suku-suku ini semuanya berasal dari barat Sudan (barat Afrika). Suku Mandanju telah menguasai sungai Nigeria dan kawasan pesisirnya dengan iklim politik tersendiri.
31. Ahmad Muhammad Kani, al-Jihad al-Islami Fi Gharb Afriqiya, Hlm. 35, Cet. 1, al-Zahra' Li 'l'lam al-'Arabi, 1407H, Mesir.
32. Ibid.
33. Ahmad Muhammad Kani. *Al-Jihad al-Islami Fi Gharb Afriqiya*, Hlm. 73 dan 82.
34. Ibid, Hlm. 76.
35. Dr. Abdul Halim 'Awis. *Safahat min Juhud al-Muslimin fi al-Hadarat al-Hindiah*, Hlm. 55-56.
36. Sheikh Abu Hasan Ali An-Nadawi. *Hikmat al-Dakwat wa Sifat al-Duat*, Cet. al-Majma' al-'Islami al-'Ilmi, Nadwat al-'Ulama.
37. Ibid.
38. Dr. Abdul Halim 'Awis. *Safahat min Juhud al-Muslimin fi al-Hadarat al-Hindiah*, Hlm. 52-56.
39. Diedarkan oleh Dr. Muhammad Kamal Jaafar di Kaherah tahun 1981M.
40. Sahl al-Tastiri. *Al-Turath al-Sufi*. 2/93. Kaherah. 1986M. Tahqiq Muhammad Kamal Jaafar.
41. *Al-Turath al-Sufi*. 2/135.
42. Lihat, al-Hilyat 2/149 dipetik dari Dr Abi Yazid al-Ujmi (*al-Usul al-Fikriyyat Li al-Janib al-Ijtima'iy Fi al-tasawwuf al-Islamiy*. Tesis PhD di Dar al-Ulum Hlm 345 Universiti Kaherah.
43. Ibn Khallikan. *Wafiyat al-A'yan*. Terjemah nombor 504.

- 44 . Dr. Abi Yazid al-Ujmi ( *al-Usul al-Fikriyyat Li al-Janib al-Ijtima'iy Fi al-tasawwuf al-Islamiy*. Tesis PhD di Dar al-Ulum Hlm. 346.
45. Ibid. hlm. 350.
46. Ibid. hlm. 355.
47. Dr. Abi Yazid al-Ujmi ( *al-Usul al-Fikriyyat Li al-Janib al-Ijtima'iy Fi al-tasawwuf al-Islamiy*. Tesis PhD di Dar al-Ulum Hlm. 35.
48. Dr. Muhammad al-Said Jamal al-Din. *Risalat al-Khulud* karangan Iqbal. Al-Muqadimat. Lihat, Dr. Abu al-Yazid al-Ujmi. *Majalat al-Muslim al-Mu'asir*. Bil. 33. Kuwait. Kajian Tentang Ahli Zuhud Islam.
49. Rawa'i' Iqbal. Hlm. 25. Kuwait 1978.
50. Hlm. yang sama.
51. Lihat, Syarat Kemajuan. Fasal Makmal Penerimaan Penjajahan. Hlm. 229. Cetakan ketiga.
52. Ahmad Abd al-Chafur al-Attar. *Muhammad Abd al-Wahhab*. Hlm. 31. Maktabat al-Irfan. Beirut.
53. Ahmad Bin hajr Abu Tahir. *Al-Sheikh Muhammad Bin Abd al-Wahhab*. Hlm. 15. Matba'at al-Hukumat Mekah. 1395H
54. Ahmad Abd al-Chafur al-Attar. *Muhammad Abd al-Wahhab*. Hlm. 101.
55. Penulis bergantung dalam penerangan ringkas ini kepada buku yang menarik: *Badi' al-Zaman Said al-Nursi*, Pandangan Umum Tentang Kehidupan dan Kesannya. Hlm. 19 Tulisan Ihsan Qasim al-Salihy. Cetakan ketiga.
56. Ibid. hlm. 20.
57. Ibid. hlm. 24.
- 58 . Ibid. hlm. 23.
- 59 . Ibid. hlm. 36.
- 60 . Ibid. hlm. 52, 53.
61. Ibid. hlm. 23.